

# **KENYATAAN AKHBAR**

*Untuk siaran segera*

## **COVID-19: PEKERJA BINAAN PERLU JALANI UJIAN SWAB 3 HARI SEBELUM MEMASUKI TAPAK BINA**

**KUALA LUMPUR, 16 November 2020:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menggesa kesemua kontraktor utama memastikan semua pekerja binaan menjalani ujian swab Covid-19 tiga hari sebelum memasuki tapak pembinaan mereka atau berdepan dengan kerugian akibat penularan wabak tersebut.

Gesaan ini dibuat, berikutan hasil siasatan CIDB dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mendapati kenaikan mendadak kes Covid-19 di tapak-tapak pembinaan sejak kebelakangan ini berpunca daripada pekerja binaan di bawah subkontraktor yang berpindah daripada satu tapak pembinaan kepada tapak yang lain, apabila projek sebelum itu telah selesai.

Keadaan ini menyebabkan penularan Covid-19 dari satu tapak pembinaan, ke tapak pembinaan yang lain di sekitar Lembah Klang. Sehingga semalam, terdapat kluster yang telah dikenalpasti iaitu Damanlela membabitkan 714 pekerja asing dan enam pekerja tempatan.

Kluster Damanlela merekodkan angka tertinggi kerana pekerja binaan yang digunakan bertukar dari satu projek pembinaan ke projek pembinaan yang lain.

Oleh yang demikian, CIDB menggesa agar kesemua kontraktor termasuk pemilik projek memastikan semua pekerja yang memasuki tapak pembinaan telah menjalani ujian COVID-19. Selain itu, Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pembinaan yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlulah di patuhi pada setiap masa.

Mengikut SOP yang telah ditetapkan, kontraktor perlu melantik seorang atau lebih penyelaras bagi membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19. Mereka juga perlu mewujudkan Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara pengurusan kes-kes kecemasan sekiranya terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan Covid-19.

Kegagalan untuk mematuhi SOP yang ditetapkan akan menyebabkan syarikat kontraktor terbabit mengalami kerugian sekiranya berlaku penularan kes Covid-19 di tapak pembinaan berkenaan. Selain tapak pembinaan terpaksa ditutup oleh KKM, kos berkaitan pengurusan kes COVID-19 di tapak pembinaan seperti ujian swab, kuarantin, makan minum pekerja, logistik dan keperluan kesihatan dan keselamatan adalah ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

Maklumat lanjut berkenaan SOP dan Garis Panduan industri pembinaan boleh diketahui menerusi Telegram rasmi CIDB Malaysia <https://t.me/cidbmy> atau laman rasmi CIDB di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) atau hubungi hotline CIDB **03 5567 3300**.

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---